

## Ulasan Buku / Book Review

*Social Science Research in Sarawak: The Need Theory for Theory and Integrated Approach.* 2009. Abdul Halim Ali. Bangi: Penerbit Institute of Malaysian and International Studies (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia. Ulasan oleh Awang Azman Awang Pawi.

Penulisan dalam bentuk yang sedia ada ini bukanlah sesuatu yang mutlak, tetapi tercetus hasil ucaptama Seminar Antarabangsa Kajian Malaysia pada tahun 2008. Babit-babit idea dan pemikiran yang dikemukakan oleh Abdul Halim Ali sudah dapat dijejaki daripada wacana tidak rasmi, bengkel, siri seminar di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), pertemuan akademik dalam konferensi Borneo-Kalimantan hingga dalam beberapa penulisan bab dan pengenalan kritis dalam beberapa penerbitan jurnal ketika beliau menerajui Kursi Nusantara di Institut Kajian Asia Timur, UNIMAS (2003-2009). Idea-idea yang tercetus juga dapat dikesani dalam beberapa pandangan akademiknya yang terbit tentang gagasan wilayah sub zon budaya Kalimantan-Borneo. Hal ini bermakna penyorotan penyelidikan sains sosial di Sarawak telah lama giat direnunginya dengan mendalam berdasarkan kerangka teori, kajian lapangan dan kajian lepas yang memberikan beliau beberapa rumusan sepanjang enam tahun menduduki Kursi Nusantara di UNIMAS.

Penerbitan ini cuba memerikan latar perkembangan sains sosial sejak tahun-tahun 1960-an yang memberikan kesan sejarah dan intelektual kepada perkembangannya di Malaysia. Sebagaimana Appell (1976), Halim berpendapat kajian antropologi sosial telah dimulakan oleh Edmund Leach pada tahun 1947. Aspek ini dianggap rasmi kerana di bawah naungan British Colonial Social Science Research Council berserta dengan penentuan agenda telah dikenal pasti kelemahan dan beberapa jurang atau lowongan dalam penelitian di Borneo.

Barangkali inilah keterbatasaan objektif yang spesifik dalam penulisan ini yang tidak membolehkan Halim menyentuhnya sebagai latar penulisan sejarah penelitian awal ini. Penulisan ini juga bermula dengan penggaluran sejarah sains sosial di Malaysia yang dikaitkan dengan projek penulisan rasmi oleh pentadbir kerajaan kolonial Inggeris yang mewujudkan ‘Kajian Timur’ dan ‘Kajian Wilayah’. Halim juga memetakan upaya pelajar di Malaysia pada tahun-tahun 1960-an dan awal 1970-an mengorientasikan sains sosial di Malaysia dan pasangnya teori analisis Marxisme serta perubahan teoritikal dan paradigmatik yang semuanya memberikan momentum pandangan sarwajagat anutan para ahli akademik ketika itu. Malah, reaksi para sarjana nasional kepada pergolakan ilmu di Barat memberikan keperluan memikirkan peranan dan orientasi saintis sosial di

Malaysia yang dipatrikan melalui persidangan pada Ogos 1974, anjuran Jabatan Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Halim juga menunjukkan betapa laporan Edmund Leach hampir sama dengan laporan Raymond Firth kepada pihak Colonial Social Science Research Council, dan termasuk juga oleh mereka yang tertakluk kepada etos kerajaan kolonial yang mengenakan mereka keterbatasan menyuarakan isu-isu yang melangkaui dasar kolonial terhadap negeri jajahan. Saranan kajian interaksi di antara kuasa ekonomi dan sosial perlu dilaksanakan. Leach dikritik kerana hanya menyebut “... rancangan pembangunan kerajaan yang bukan terbatas kepada ekonomi, malah meliputi pentadbiran dan kerajaan tempatan sendiri...” akan tetapi tidak mengupasnya, yang menunjukkan kelangkaan laporan rasmi tersebut. Leach juga bersikap berdiam diri dengan arus pergerakan anti kolonial di Sarawak yang mencetuskan pembunuhan Gabenor Duncan Stuart di Sibu, Sarawak ketika itu. Dengan melawan arus sentimen akar umbi masyarakat Melayu Sarawak ketika itu, Leach dengan pesimisnya menyifatkan gerakan tersebut memberikan kesan negatif kepada kemajuan nasionalisme Melayu Sarawak.

Peranan Tom Harrisson dalam kajian barat Sarawak, khususnya terhadap komuniti Melayu diakui Halim sebagai sumbangan penting pada era 1950-an dan 1960-an meskipun tanpa kerangka teori yang mantap dan lebih menyerlah. Namun, hingga kini kajian Tom Harrisson menjadi karya klasik atau *magnum opus*, sekali pun kontroversial, dalam kajian Melayu Sarawak. Sumbangan Robert Pringle melalui *Rajah and Rebels* (1970) juga disebut Halim sebagai yang menyegarkan kerana menggunakan sumber bertulis dan sumber lisan. Berbanding sumbangan George Appel (1976), Halim lebih melihat keterbukaan Victor King walaupun peranan Appel dalam pemetaan kajian etnografi tidak dinafikan.

Halim juga mengesani bahawa dunia sains politik di Sarawak diisi secara bermakna oleh sumbangan Michael Leigh, Bob Reece dan Sanib Said, seterusnya oleh Jayum Jawan dan James Chin. Dalam konteks ini, beliau memberikan situasi penelitian yang terlalu memfokuskan data kuantitatif dan sayangnya, sedikit sekali pelakaran tentang tradisi teori dalam sains politik, khususnya hubungan-hubungan kapitalis dalam masyarakat Sarawak yang tanpanya pasti memberikan keterbatasan ruang dan keherotan hubungan penemuan dan persoalan kajian. Halim dapat penelitian John Walker (2002) sebagai mengisi ruang yang ditinggalkan oleh sumbangan Robert Pringle (1970). Halim turut diketengahkan sumbangan ahli akademik di Universiti

Malaysia Sarawak (Unimas) sebagai mengisi ruang sains sosial di Sarawak seperti Hew Cheng Sim (2003) dan Ling How Ki (2008).

Peranan Borneo Research Council (BRC) memberikan sumbangan dalam kajian Borneo, begitu juga sumbangan Institut Kajian Asia Timur, UNIMAS yang banyak menghasilkan monograf dan laporan kajian termasuk kajian *Komuniti Pesisiran Sarawak Barat* (2006). Fakulti Sains Sosial, UNIMAS yang ditubuhkan pada tahun 1993 juga merupakan satu wadah institusi yang diharapkan dapat membina kesinambungan dan diharap dapat mengaitkan fungsi sains sosial dalam konteks kontemporer dan menurut Halim, lebih-lebih lagi dari segi keterlibatan Persatuan Sains Sosial Malaysia dalam membantu memberikan arah dan jati diri kepada fakulti tersebut dalam konteks Sarawak khususnya, dan Borneo-Kalimantan umumnya.

Dalam pada itu, Halim berpendapat kajian Sarawak dalam ilmu sains sosial harus dilihat sebagai kajian Pan Borneo-Kalimantan. Hal ini kerana Sarawak dan Kalimantan adalah satu rumpun budaya yang sama. Maka, Siri Konferensi Se-Borneo yang bermatlamat menghimpunkan sarjana yang berada di seluruh kepulauan dianjurkan dengan inisiatif Kursi Nusantara Institut Kajian Asia Timur, di bawah kepimpinan Halim pada tahun 2005. Konferensi tersebut yang berlangsung dengan kerjasama universiti-universiti di kepulauan itu secara bergiliran telah diadakan dengan jayanya. Usaha UNIMAS ini seterusnya mendapat respons dari UiTM Sarawak yang mengadakan Konferensi Islam Borneo-Kalimantan. Hal ini mengukuhkan penyatuhan intelektual dan budaya konteks dunia serumpun.

Peranan *The Sarawak Museum Journal* yang mula terbit pada tahun 1911 memberikan komitmen ilmu dalam bidang sains sosial dan sains alamiah. Jurnal yang berusia sekitar 100 tahun ini memberikan impak terhadap dunia ilmu dan kesarjanaan dan tidak aneh jika dikatakan Muzium Sarawak proto-institusi pengajian tinggi bukan sahaja di Sarawak malah di kepulauan Borneo-Kalimantan. Halim juga seolah-olah menyatakan bahawa tapak-tapak keinstitusan ilmu ini sudah wujud kukuh dan kini, harapan baru disandarkan

kepada ahli sains sosial generasi baru. Dalam konteks ini beliau menekankan aspek yang dilihat berpotensi untuk difokuskan, antara lain kajian gender dan disiplin ilmu lain harus pula melihat kepentingan teori dan pendekatan yang bersepada dalam kerangka sains sosial, khususnya dalam konteks cabaran dalam dunia moden masa kini yang dilihatnya berkurangan inti teori dan kesepadan pendekatan.

Monograf ini sangat bermanfaat untuk memahami susur-galur perkembangan ilmu sains sosial di Sarawak dan untuk melihat permasalahan dalam espistemologi konteks sains sosial Sarawak. Disarankan penerbitan ini dijadikan bacaan wajib kepada para pemula yang ingin meninjau sains sosial dalam kerangka perspektif yang menyeluruh di Sarawak. Perbincangan Halim juga menyedari betapa Sarawak kurang dilihat secara bandingan dengan wilayah Borneo-Kalimantan. Ternyata peranan Tom Harrisson yang melaksanakan kajian antropologi dan ornitologi di Sarawak sejak tahun 1932, telah terlepas pandang oleh pengarang. Juga terdapat kesilapan nama judul buku John Walker sepatutnya *Power and Prowess*, tetapi ditulis *Power and Process* (hal. 27).

Namun, di sebalik sedikit kelompongan ini, sumbangan berharga dan bermakna Halim Ali bukan sahaja dalam memetakan perjalanan sains sosial di Sarawak, malah beliau merupakan salah seorang peneraju dan penggiat penyelidikan sains sosial di Sarawak, selain menjadi malim sarjana dalam kalangan beberapa ahli akademik di UNIMAS. Pemetaan susur galur untuk mendapatkan perspektif yang menyeluruh sangat langka dalam konteks kajian sains sosial di Sarawak. Justeru, sumbangan pentingnya, dalam konteks eseini seharusnya menjadi pencetus kepada penyelidikan masa kini dan pada masa akan datang.

Awang Azman Awang Pawi, PhD.  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)  
94300 Kota Samarahan  
Sarawak, Malaysia  
apazman@faca.unimas.my